ASPIRASI PILIHAN RAYA SALURAN INFORMASI

# AsPiRaSI

EDISI 4/2024

## EC HIKERS MEMBAWA SPR KE PUNCAK KINABALU



## SANTUNI MADANI
Kg. Jawa, Segamat
Kampung Angkat SPR

## RUSIA 2024
Langkah Global SPR

## OUTREACH
Menuju PRU DUN Sabah Ke-17

## OPSYEN SSPA
Penawaran Peluang Baharu

# SEGMEN AsPiRaSI 4/2024

Informasi sepanjang September - Disember 2024


## SPR DI PUNCAK KINABALU 03

EC Hikers berjaya tawan Gunung Kinabalu

## SPR SANTUNI MADANI 04

Ramah mesra dengan penduduk kampung di Johor

## DARI MEJA AHLI 06

Perkongsian mengenai Data Terbuka oleh
YBrs. Madam Zoey Randhawa

## OUTREACH MENUJU PRU DUN 08

Perjalanan outreach PRU DUN Sabah Ke-17 penuh dengan cerita dan cabaran. Jom baca kisahnya...

## PENAWARAN OPSYEN SSPA 10

Tawaran yang membuka peluang baharu

## PPN SANA-SINI 14

Jom tengok aktiviti PPN sepanjang suku akhir 2024!

## RUSIA 2024 34

SPR ambil peranan di Single Voting Day Rusia 2024

## INSPIRASI 38

Reimagining Retirement: A New Chapter, Not the End
oleh Puan Shamsiah binti Chee Ross

# EC HIKERS MEMBAWA SPR KE PUNCAK




Seramai 12 orang warga Ibu Pejabat SPR yang membawa nama EC Hikers telah menyertai Ekspedisi Pendakian Gunung Kinabalu pada 15 dan 16 Oktober 2024. Mereka telah berjaya tiba di Low's Peak tepat jam 7.00 pagi pada 16 Oktober.

Perasaan gembira dan bangga dirasakan sejurus kesemua 12 orang pendaki berjaya tiba di puncak tertinggi Asia Tenggara itu. Pasukan ekspedisi juga telah mengenakan pakaian petugas pilihan raya dan bergambar sebagai simbolik kepada fungsi Suruhanjaya Pilihan Raya dan apresiasi buat semua petugas pilihan raya yang telah berkhidmat untuk SPR dan negara.




Ucapan syukur Alhamdulillah ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izin-Nya semua pendaki berada dalam keadaan sihat semasa pendakian sehingga tamat ekspedisi.

**TAHNIAH EC HIKERS!!**






Ribuan terima kasih diucapkan kepada YBhg. Dato' Indera Ikmalrudin bin Ishak, KESKER dan seluruh warga SPR atas sokongan dan dorongan kepada EC Hikers dalam menjayakan Ekspedisi Pendakian Gunung Kinabalu 2024.



# PROGRAM SANTUNI MADANI: SPR RAIKAN PENDUDUK KAMPUNG DI SEGAMAT, JOHOR

Seiring dengan hasrat kepimpinan YAB Perdana Menteri memperkenalkan Program Satu Pemimpin Satu Kampung (Santuni Madani) pada 05 Mei 2024, SPR telah mengadakan Program Santuni Madani di Dewan Serbaguna Kampung Jawa, Segamat, Johor pada 25 September 2024. Program yang telah disertai oleh penduduk Kampung Jawa, Segamat selaku kampung angkat SPR dan telah dirasmikan oleh YBhg. Dato' Indera Ikmalrudin bin Ishak, Setiausaha SPR dan turut disertai oleh Yang Berhormat Tuan Anuar bin Abd Manap, Ahli Dewan Negeri Johor (N.03 Pemanis). Di samping itu, program ini telah dihadiri oleh pemimpin-pemimpin kampung dan penduduk kampung sekitarnya.

*Program ini merupakan salah satu kaedah meningkatkan potensi kampung dan keupayaan masyarakat melalui pemantauan secara langsung serta libat urus bagi mengenal pasti masalah sosio ekonomi dan keperluan penduduk kampung yang terpilih.*




Pengisian pelaksanaan program ini adalah SPR bertindak sebagai pemudah cara dan penasihat untuk membawa isu-isu yang akan diketengahkan oleh pihak komuniti. SPR turut menyediakan perkhidmatan kaunter bergerak (karavan SPR) untuk penduduk kampung membuat semakan maklumat daftar pemilih, mengemukakan permohonan tukar alamat mengundi, aduan, pembetulan dan pertanyaan berkaitan maklumat pemilih tanpa perlu hadir ke mana-mana Pejabat Pos Malaysia atau Pejabat Pilihan Raya Negeri. Di samping itu, SPR turut menyumbangkan sebanyak 15 kerusi roda sebagai alat bantuan pergerakan kepada penduduk kampung yang memerlukan bagi memudahkan aktiviti seharian.









# PERANAN AGENSI MEDIA DAN UNIT KOMUNIKASI KORPORAT SPR DALAM PILIHAN RAYA




Pilihan raya adalah tonggak utama demokrasi yang memberikan peluang kepada rakyat untuk menentukan pemimpin mereka. Dalam konteks ini, agensi media dan Unit Komunikasi Korporat (UKK) Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) memainkan peranan penting dalam memastikan proses pilihan raya berjalan dengan telus dan adil dapat difahami oleh masyarakat umum.

Agensi media bertindak sebagai perantara maklumat antara SPR dan rakyat. Peranan mereka termasuk melaporkan perkembangan terkini sepanjang tempoh pilihan raya, daripada proses penamaan calon sehingga pengumuman keputusan rasmi.



Contohnya, semasa Pilihan Raya Kecil (PRK) Mahkota, selain daripada menghebahkan pengumuman dan kenyataan rasmi daripada SPR yang dikeluarkan oleh UKK SPR, agensi media juga memberikan liputan terperinci tentang persaingan antara calon serta isu-isu tempatan yang menjadi perhatian pengundi. Laporan langsung dari lokasi pusat pengundian turut membantu rakyat mengikuti perkembangan pilihan raya dengan lebih dekat.

Sementara itu, UKK SPR memainkan peranan strategik dalam menyampaikan maklumat secara langsung kepada pengundi. Bukan sahaja melalui hebahan dan kenyataan rasmi malahan melalui platform digital seperti laman web rasmi SPR dan saluran media sosial bagi memastikan pengundi mendapat akses kepada maklumat yang relevan seperti lokasi pusat pengundian dan panduan pengundian. Ini secara tidak langsung membantu memudahkan pengundi menjalankan tanggungjawab mereka.

UKK SPR juga mendokong dan mengaplikasikan Kerangka Agenda Reformasi Perkhidmatan Awam 2024-2030 melalui pendekatan "*Associated and Integrated Strategy*." Ini dilaksanakan melalui pemboleh daya reformasi “Komunikasi Total” iaitu melalui libat urus berterusan bersama media serta pengarusperdanaan pasukan media. Pendekatan ini memastikan SPR dapat bekerjasama secara efektif dengan media untuk menyampaikan mesej yang konsisten dan memupuk kepercayaan masyarakat terhadap proses pilihan raya.

Justeru, boleh disimpulkan bahawa peranan agensi media dan UKK SPR adalah sangat penting dalam memastikan pilihan raya dilaksanakan dengan lancar dan diterima oleh semua pihak. Media membantu menyampaikan maklumat secara meluas kepada rakyat, manakala SPR melalui unit komunikasinya memastikan ketelusan dan kepercayaan terhadap proses pilihan raya dipelihara. Kolaborasi antara kedua-dua pihak ini terus menjadi salah satu asas kepada kejayaan demokrasi di Malaysia, memastikan rakyat mampu membuat keputusan yang tepat dan bermaklumat semasa mengundi.



# DARI MEJA AHLI

**PERKONGSIAN ILMU DARI PERSPEKTIF AHLI SPR**

## PENGURUSAN MAKLUMAT SECARA TELUS DAN TERBUKA: MEMPERKUKUHKAN KEYAKINAN AWAM DALAM PILIHAN RAYA

Kerajaan Malaysia telah melaksanakan pelbagai langkah untuk meningkatkan ketelusan maklumat sektor awam. Antara usaha yang dilaksanakan adalah membangunkan Portal Data Terbuka iaitu data.gov.my, dan mengeluarkan 'Pekeliling Am Bilangan 1 Tahun 2015: Pelaksanaan Data Terbuka Sektor Awam'. Langkah-langkah ini bertujuan menggalakkan perkongsian data selain meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan kerajaan yang lebih mudah, cepat, dan telus.

*Sehingga kini, sebanyak 126 negara telah menggubal undang-undang mengenai Kebebasan Maklumat dan 96 negara telah memasukkan peruntukan Kebebasan Maklumat dalam perlembagaan negara (BHEUU, 2024).*

Pada tahun 2023, Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Antirasuah (JKKMAR) bersetuju dengan penggubalan Akta Kebebasan Maklumat, dan Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi) M. Kulasegaran telah memaklumkan kepada Dewan Rakyat bahawa Rang Undang-undang Kebebasan Maklumat dijangka dibentangkan di Parlimen pada akhir tahun ini.

### Data Terbuka

Terdapat pelbagai rujukan berkenaan piawaian antarabangsa untuk data terbuka, termasuk Open Data Toolkit yang diterbitkan oleh Bank Dunia. Kerajaan Malaysia (2015) juga telah menerbitkan prinsip data terbuka yang sejajar dengan piawaian antarabangsa tersebut, antaranya:

- Data Lengkap (Complete Data)
- Sumber Utama (Primary Source)
- Terkini (Timely)
- Kebolehcapaian (Accessible)
- Kebolehbacaan Mesin (Machine readable)
- Tanpa Diskriminasi (Non-discriminatory)
- Penggunaan Standard Terbuka (Use of Open Standard)

Namun begitu, Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (2024) menegaskan bahawa kebebasan maklumat bukanlah bersifat kebebasan mutlak (absolute freedom), dengan pengecualian bagi maklumat-maklumat tertentu seperti maklumat data peribadi, maklumat yang boleh menggugat ketenteraman awam, keselamatan negara, pertahanan, perisikan dan hubungan diplomasi antarabangsa. Misalnya, data peribadi dalam daftar pemilih tidak tertakluk kepada peruntukan dalam Akta Kebebasan Maklumat.



***Puan Zoe Randhawa***
***Ahli SPR***

Dalam pelbagai konteks seperti pendaftaran pemilih, persempadanan semula bahagian pilihan raya, dan pelaporan keputusan pilihan raya, amalan terbaik dari negara seperti Singapura, Australia, dan UK menunjukkan manfaat data yang mudah diakses, boleh dipercayai, dan diberikan konteks yang jelas.

Walau bagaimanapun, cabaran berkaitan data terbuka (seperti mengimbangi privasi dan ketelusan, memastikan mutu data, serta mencegah penyebaran maklumat palsu) memerlukan pengurusan yang teliti oleh BPPR.

### Risiko Data Terbuka

Shkabatur (2012) memberi amaran bahawa pengeluaran data tanpa konteks dan penjelasan boleh menyebabkan kekeliruan. Oleh itu, data dan maklumat yang disediakan harus sentiasa dikemaskini untuk mengelakkan penyebaran maklumat yang tidak tepat oleh BPPR. Jika data yang banyak disediakan tetapi berkualiti rendah, ia berpotensi menjadi sumber maklumat palsu.

Menarik kan? Imbas kod QR untuk terus membaca:

# PROGRAM JIWA MERDEKA@SPR 2024

**Anjuran Pusat Sumber SPR**



## Pertandingan Kuiz Cakna Kemerdekaan



## Kibarkan Jalur Gemilang



## Pertandingan Swafoto @ Groufie




## Majlis Penutup dan Penyampaian Hadiah





Hiasan Jalur Gemilang di Pusat Sumber SPR

## MERAIKAN SEMANGAT MERDEKA!

Bersempena bulan Kemerdekaan ke-67 pada tahun ini yang bertemakan Malaysia MADANI: Jiwa Merdeka, Pusat Sumber SPR, Akademi Pilihan Raya telah menganjurkan program "Jiwa Merdeka @ SPR 2024" bermula pada 01 - 31 Ogos 2024. Pelbagai aktiviti menarik telah dilaksanakan sempena program sambutan bulan kemerdekaan seperti berikut:

- Hiasan Jalur Gemilang di Pusat Sumber SPR;
- Promosi dan pameran buku-buku berkaitan kemerdekaan tanah air;
- Pertandingan Kuiz Cakna Kemerdekaan; dan
- Pertandingan Swafoto Groufie.

Program diadakan bertujuan untuk melahir dan meningkatkan semangat patriotisme yang tinggi dalam kalangan warga SPR. Selain itu, diharap warga SPR dapat menghayati dan mencintai serta menyayangi negara Malaysia, menghargai dan mempertahankan kedaulatan serta mengibarkan Jalur Gemilang. Merdeka!



# OUTREACH MENUJU PRU DUN SABAH KE-17



Pada 21 hingga 25 Oktober 2024, Akademi Pilihan Raya dengan kerjasama Pejabat Pilihan Raya Negeri Sabah, buat julung kalinya melaksanakan program outreach jelajah ke empat destinasi pedalaman di Negeri Sabah iaitu:

- Long Pasia di DUN N.35 Sindumin
- Rundum di DUN N.43 Kemabong
- Pagalungan dan Kampung Saliran di DUN N.46 Nabawan.

Program Outreach ini diisi dengan sesi pendidikan pengundi serta pelbagai aktiviti menarik, termasuklah sumbangan pakaian preloved, nyanyian, persembahan kebudayaan, dan cabutan bertuah.






Program ini juga disertai agensi rakan strategik yang menyediakan pelbagai perkhidmatan kepada komuniti. Antara agensi yang terlibat ialah :.

- Pejabat Daerah Sipitang, Tenom, Nabawan, dan Pejabat Daerah Kecil Pagalungan
- Unit Penyelarasan Pelaksanaan Negeri Sabah
- Jabatan Pendaftaran Negara Negeri Sabah
- Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Sabah
- Angkatan Pertahanan Awam Negeri Sabah
- Jabatan Penerangan Daerah Sipitang, Tenom, dan Nabawan
- Klinik Pergigian Daerah Sipitang, Tenom, dan Nabawan
- Sabah Net







Selain melalui jalan *off-road*, pasukan outreach juga menaiki bot serta berjalan kaki meredah hutan selama lebih 4 jam untuk sampai ke destinasi.

Program Outreach Menuju PRU DUN Sabah Ke-17 ini menjadi simbol komitmen bersama ke arah memupuk semangat inklusiviti dan tanggungjawab dalam memastikan demokrasi terus subur di Negeri Sabah. Jom tonton perjalanan penuh inspirasi ini di YouTube SPR:

# LAWATAN MAHASISWA UNIVERSITAS ANDALAS INDONESIA KE MENARA SPR




Pada 05 Disember 2024, seramai 25 orang mahasiswa beserta dua pensyarah pengiring, Encik Tamrin Drs., M.Si dan Encik Mhd Fajri S.I.P., M.A., daripada Fakultas Ilmu Sosial dan Ilmu Politik (FISIP), Universitas Andalas, Padang, Indonesia telah mengadakan lawatan ke Menara Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR). Lawatan ini merupakan sebahagian daripada aktiviti kuliah lapangan bagi subjek Mata Kuliah Tata Kelola Pemilu, yang dianjurkan oleh Departemen Ilmu Politik, FISIP.

Program bersama delegasi telah diadakan di Auditorium, Aras 2, Menara SPR. Delegasi tersebut telah disambut mesra oleh YBrs. Tuan Baharuddin bin Tahir, Timbalan Setiausaha (Strategik), SPR, yang mewakili pengurusan tertinggi SPR. Program dimulakan dengan taklimat mengenai sistem pilihan raya di Malaysia oleh Encik Mohd Rizuan bin Md Drus, Ketua Program (Pendidikan Pengundi) daripada Akademi Pilihan Raya (APR).

Salah satu sesi menarik dalam program ini adalah simulasi proses pengundian untuk memberikan pengalaman praktikal kepada para delegasi. Beberapa mahasiswa telah dipilih untuk menjadi petugas saluran bagi merasai sendiri pengalaman bagaimana proses pengundian dijalankan di Malaysia.









## MAKLUMAT RINGKAS PERBEZAAN SISTEM PILIHAN RAYA DI ANTARA MALAYSIA DAN INDONESIA

| NEGARA | MALAYSIA | INDONESIA |
|---|---|---|
| **Sistem Pilihan Raya** | Sistem Undi Terbanyak, Dikira Pemenang *(First-Past-the-Post)* | Sistem *proportional representation* (perwakilan berkadar) |
| **Jenis Kerajaan** | Demokrasi berparlimen, Raja Berperlembagaan | Demokrasi republik dengan Presiden sebagai ketua negara dan kerajaan |
| **Badan Pengurusan Pilihan Raya** | Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) | Komisi Pemilihan Umum (KPU) |
| **Pilihan Raya** | • Pilihan Raya Umum (PRU) untuk Parlimen dan Dewan Undangan Negeri (DUN)<br>• Pilihan Raya Kecil (PRK) | Pilihan Umum (Pemilu) untuk Presiden,<br><br>Dewan Perwakilan Rakyat (DPR), dan Dewan Perwakilan Daerah (DPD) |
| **Kekerapan** | • Setiap 5 tahun atau bila Parlimen/DUN dibubarkan (PRU)<br>• Kekosongan luar jangka (PRK) | Setiap 5 tahun |
| **Pengundi Layak** | Warganegara berumur 18 tahun dan ke atas | Warganegara berumur 17 tahun ke atas atau lebih muda sekiranya telah berkahwin |
| **Jumlah Pemilih** | Terkini Oktober 2024: 21,728,931 orang pemilih | Pemilu Feb 2024: 204,807,222 orang pemilih |

# LATIHAN PENGGUNAAN DAN SIMULASI SUBMODUL URUSAN PENGEMASKINIAN DAERAH MENGUNDI DAN SUBMODUL PENETAPAN PREMIS PILIHAN RAYA DALAM MODUL PERSEMPADANAN, SISTEM MYSPRWARGA








Bahagian Persempadanan - bermula 21 Ogos hingga 27 November 2024, Latihan Penggunaan dan Simulasi Submodul Urusan Pengemaskinian Daerah Mengundi dan Submodul Penetapan Premis Pilihan Raya dalam Modul Persempadanan, Sistem MYSPR diadakan melibatkan pegawai-pegawai dari Bahagian Persempadanan, Seksyen EGIS, Bahagian Pengurusan Maklumat serta Unit Persempadanan di Pejabat Pilihan Raya Negeri (PPN).




Latihan ini bertujuan untuk meningkatkan kemahiran dan pengetahuan pengguna sistem selain menyesuaikan pengguna dengan prosedur dan proses kerja yang sebelum ini dilakukan secara manual. Selain itu, sesi ini juga bertujuan untuk memastikan capaian internet yang terdapat di PPN masing-masing memenuhi keperluan minimum pengoperasian submodul tersebut.

Latihan penggunaan dan simulasi modul ini telah diadakan di semua PPN mengikut perancangan masa yang ditetapkan. Kerjasama dan komitmen yang diberikan oleh semua pihak terlibat adalah amat membanggakan.

## PROGRAM PERSEMPADANAN 2024 - (DP2024)






Program Persempadanan 2024 (DP2024) telah berlangsung dari 02 hingga 04 Oktober 2024 di AC Hotel by Marriot Penang, Bayan Lepas, Pulau Pinang. Program ini telah melibatkan 44 orang peserta yang terdiri daripada kumpulan pelaksana di Unit Persempadanan dari Pejabat Pilihan Raya Negeri (PPN) seluruh negara.






Program yang telah dirasmikan oleh Encik Muhammad Faliq bin Mustafa Kamal, Setiausaha Bahagian Persempadanan bertujuan antara lain untuk memberi pendedahan dan kefahaman secara asas kepada para peserta mengenai urusan kajian semula persempadanan (KSP) dan urusan pengemaskinian daerah mengundi (UPDM). Selain itu, program ini bertujuan untuk memberi kefahaman mengenai aspek undang-undang dan prosedur yang terlibat dalam melaksanakan KSP dan UPDM.

Selain daripada penceramah dalaman, program ini turut melibatkan penceramah jemputan luar dari Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) Negeri Pulau Pinang dengan tajuk ceramah "Persempadanan dari Sudut Pandang Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia" yang disampaikan oleh Encik Sr. Wan Faizal bin Wan Mohamed, Timbalan Pengarah Ukur dan Pemetaan, JUPEM Pulau Pinang.



*Sesi bergambar bersama peserta Program Persempadanan 2024*

Secara keseluruhannya, program ini berjaya mencapai objektifnya dan telah berjalan dengan lancar. Jutaan terima kasih diucapkan atas komitmen dan kerjasama yang sangat baik oleh semua peserta. Semoga program ini memberikan manfaat kepada semua peserta dan dapat diadakan lagi pada masa hadapan.

# PENYEDIAAN PELAN LANTAI PUSAT MENGUNDI NEGERI SABAH TAHUN 2024

***Bahagian Persempadanan dengan kerjasama Pejabat Pilihan Raya Negeri (PPN) Sabah dan Akademi Pilihan Raya (APR) telah melaksanakan Program Penyediaan Pelan Lantai Pusat Mengundi di Negeri Sabah pada bulan Oktober 2024***



Program ini bertujuan mengemaskini maklumat terkini berkaitan pusat mengundi di seluruh Negeri Sabah yang sekaligus dapat digunakan sebagai persediaan menghadapi Pilihan Raya Umum DUN Sabah ke-17 yang dijangka diadakan pada tahun 2025.





Sebanyak 870 pusat mengundi meliputi seluruh DUN Sabah telah disenaraikan dalam program ini. Lawatan tapak dilaksanakan oleh 68 kumpulan Pegawai Bertanggungjawab yang dilantik daripada kalangan pegawai di Ibu Pejabat dan Pejabat Pilihan Raya Negeri. Kajian lapangan telah dilaksanakan dalam dua siri lawatan. Siri pertama bermula dari 14 hingga 18 Oktober dan siri kedua bermula dari 21 hingga 25 Oktober 2024.



Aktiviti utama program ini melibatkan lawatan oleh Pegawai Bertanggungjawab ke pusat mengundi yang tersenarai dengan mendapatkan maklumat Premis Pilihan Raya (PPR) dan mengemaskini maklumat berkenaan dalam Sistem Submodul Premis seperti berikut:

- Maklumat asas pusat mengundi – Nama Daerah Mengundi, kategori PPR, koordinat PPR
- Maklumat pegawai pusat mengundi – Nama dan alamat PPR, maklumat pegawai (nama, jawatan, tempat bertugas dan nombor telefon)
- Maklumat perincian pusat mengundi – lokasi tempat mengundi, liputan rangkaian telefon, akses ke premis
- Maklumat gambar pusat mengundi - papan tanda PPR, laluan ke tempat mengundi, lokasi barung dan pelan lantai premis.



Walaupun dengan cabaran yang dihadapi, program ini berjaya mencapai tujuan utamanya sekaligus menyediakan SPR dengan maklumat pusat mengundi Negeri Sabah yang lengkap dan terkini. Semoga dengan pelaksanaan program ini, persediaan bagi menghadapi PRU DUN Sabah ke-17 dapat dibuat dengan teratur dan lancar.
















# SESI TAKLIMAT DAN PENAWARAN OPSYEN SISTEM SARAAN PERKHIDMATAN AWAM (SSPA) KEPADA WARGA SPR

Pada 30 September 2024, BPSM SPR telah melaksanakan Sesi Taklimat dan Penawaran Opsyen SSPA kepada warga SPR di Ibu Pejabat dan kemudian disusuli dengan Sesi Turun Padang (*Roadtour*) ke semua Pejabat Pilihan Raya Negeri (PPN) bermula dari 01 Oktober 2024 sehingga 18 Oktober 2024.



Pelaksanaan sesi ini selaras seruan kerajaan untuk memartabatkan perkhidmatan awam dengan memastikan warga SPR berkelayakan dijelaskan dan seterusnya ditawarkan opsyen SSPA sepertimana Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2024 : Pelaksanaan Sistem Saraan Perkhidmatan Awam Bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan

Sesi ini juga adalah satu platform perundingan/ penyelesaian masalah berkaitan sumber manusia di peringkat PPN bagi memastikan kesiapsiagaan mengharungi SSPA. Seramai 700 warga SPR bertaraf tetap sama ada telah disahkan dalam perkhidmatan mahupun sebaliknya, telah membuat opsyen memilih SSPA. Pelaksanaan sesi taklimat adalah seperti berikut:

- 30 September 2024 : Ibu Pejabat SPR
- 02 Oktober 2024 : PPN Sabah
- 04 Oktober 2024 : PPN Sarawak
- 07 Oktober 2024 : PPN Pahang
- 08 Oktober 2024 : PPN Terengganu
- 09 Oktober 2024 : PPN Kelantan
- 10 Oktober 2024 : PPN Selangor
- 11 Oktober 2024 : PPN WP Kuala Lumpur
- 13 Oktober 2024 : PPN Johor
- 14 Oktober 2024 : PPN Melaka
- 15 Oktober 2024 : PPN Negeri Sembilan
- 16 Oktober 2024 : PPN Kedah dan Perlis
- 17 Oktober 2024 : PPN Pulau Pinang
- 18 Oktober 2024 : PPN Perak

# PENGURUSAN PRESTASI TAHUN 2024 BAGI KUMPULAN PENGURUSAN & PROFESIONAL DAN KUMPULAN PELAKSANA DI SPR

Pekeliling Perkhidmatan Bil. 4 Tahun 2002, Sistem Saraan Malaysia telah menetapkan semua pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan dinilai prestasinya berasaskan kompetensi setiap tahun.

Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) yang berkuatkuasa mulai 1 Disember 2024 juga menekankan mengenai pengurusan prestasi yang lebih holistik, objektif dan penilaian berterusan sepanjang tahun dinilai sepertimana digariskan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bil. 1 Tahun 2024.




Bagi tahun 2024, tempoh familiarisasi pengurusan prestasi secara Dual System iaitu MyPerformance dan LNPT HRMIS telah dilanjutkan sehingga 31 Disember 2024.

*Tempoh familiarisasi ini adalah untuk pegawai menguji cuba modul MyPerformance yang telah diaktifkan semua komponennya sementara penilaian LNPT masih lagi diambil bagi tujuan pengesahan PPSM, penganugerahan APC, pergerakan gaji tahunan dan exit policy sekiranya ada.*

# BENGKEL PEMERKASAAN DAN PEMANTAPAN PENGGUNAAN HRMIS



Selaras keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu HRMIS Ke-48 yang dipengerusikan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam pada 30 November 2021, BPSM SPR komited dalam memastikan 17 KPI HRMIS 2022 sentiasa dapat dicapai dengan cemerlang. Justeru, Bengkel Pemerkasaan dan Pemantapan Penggunaan HRMIS telah diadakan pada 26 hingga 28 Ogos 2024 di Melaka.

Bengkel ini bertujuan membangunkan kemahiran penyelaras HRMIS Jabatan dan memantapkan penggunaan aplikasi HRMIS yang dijadikan KPI bagi pengurusan sumber manusia selain untuk menambahbaik urusan dan proses bagi memastikan tatacara dan prosedur melibatkan peranan secara langsung Pemilik Kompetensi, Pentadbir & Pengurusan dilaksanakan dengan betul dan mencapai sasaran ditetapkan. Dua orang wakil daripada Bahagian Teknologi Maklumat, Jabatan Perdana Menteri dijemput untuk menjadi penceramah bengkel ini. Bengkel telah dihadiri oleh 40 warga SPR yang mempunyai peranan sebagai Pentadbir HRMIS di Ibu Pejabat dan setiap Pejabat Pilihan Raya Negeri.

## KURSUS PEGAWAI REKOD PERINGKAT SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA 2024

Amalan tadbir urus yang baik atau *good governance* adalah penting bagi memastikan sistem penyampaian perkhidmatan awam yang cemerlang. Salah satu elemen yang perlu diberi penekanan adalah aktiviti pengurusan rekod. Pengurusan rekod yang sistematik membolehkan maklumat yang terkandung di dalamnya dikawal supaya tidak berlaku ketirisan dan dapat dicapai dengan cepat dan efisien. BPSM telah melaksanakan Kursus Pegawai Rekod pada 21 hingga 23 Ogos 2024 bertempat di Ipoh, Perak. Kursus ini telah dihadiri oleh 52 warga SPR yang terdiri daripada pegawai rekod Ibu Pejabat dan Pejabat Pilihan Raya Negeri dari seluruh negara.



## OUTREACH BAHAGIAN PENDAFTARAN PEMILIH




03 November 2024 – Program Outreach Bahagian Pendaftaran Pemilih kali ke-4 bagi tahun 2024 telah diadakan di tapak Car Boot Sales, Bandar Saujana Putra, Selangor. Sebanyak 71 permohonan pertukaran bahagian pilihan raya dan lima (5) aduan telah diterima sepanjang program yang bermula dari 8.00 pagi hingga 4.00 petang melibatkan seramai empat (4) orang petugas dari Bahagian PD.

## PRA AUDIT PENGURUSAN KEWANGAN

05-07 November 2024 - Bahagian Kewangan telah mengadakan sesi Pra Audit Pengurusan Kewangan di PPN Sarawak sebagai usaha dalam memastikan pematuhan terhadap prosedur kewangan serta meningkatkan kecekapan dalam pengurusan dokumentasi dan rekod kewangan.

Sesi ini turut dihadiri oleh Timbalan Pengarah dan Penolong Pengarah PPN Sarawak, dengan sesi *Exit Meeting* dipengerusikan oleh Timbalan Setiausaha (Pengurusan).



## BENGKEL PENYEDIAAN PERANCANGAN PEROLEHAN TAHUNAN DAN PERBELANJAAN

Bengkel Penyediaan Perancangan Perolehan Tahunan dan Perbelanjaan Tahun 2025 yang menggunakan peruntukan Persekutuan di bawah Belanja Mengurus dan Pembangunan telah diadakan di Auditorium, Aras 2 dan Bilik Perbincangan setiap Timbalan Setiausaha (TSU) dalam dua sesi berasingan:

- 18 - 19 November 2024 untuk Pejabat Pilihan Raya Negeri (PPN)
- 02 - 03 Disember 2024 untuk sektor di Ibu Pejabat SPR




Bengkel ini bertujuan untuk memastikan semua pihak memahami keperluan dan garis panduan dalam merancang perolehan dan perbelanjaan tahunan. Ia juga memberi ruang kepada Ibu Pejabat dan PPN untuk berbincang dan menyelaras keperluan masing-masing

## SESI LIBAT URUS PAYMENTS NETWORKS MALAYSIA SDN BHD (PAYNET) BERSAMA SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA

Pada 9 Disember 2024, Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) telah menganjurkan Sesi Libat Urus bersama Payments Networks Malaysia Sdn Bhd (PayNet) bertempat di Bilik Mesyuarat, Aras 7.

Sesi ini melibatkan penyertaan Bahagian Kewangan dan Bahagian Pengurusan Maklumat SPR dengan fokus ke arah mendukung inisiatif pendigitalan negara. Perbincangan tertumpu kepada peluang dan strategi dalam memanfaatkan teknologi pembayaran digital untuk meningkatkan kecekapan pengurusan kewangan dan operasi SPR secara keseluruhan.



Kerjasama ini mencerminkan komitmen SPR dalam menyokong aspirasi pendigitalan negara, selaras dengan agenda transformasi digital sektor awam yang berterusan. Sesi ini juga membuka ruang untuk memperkukuhkan hubungan strategik antara SPR dan PayNet dalam memajukan inovasi teknologi bagi manfaat rakyat.

## PROGRAM BRISKWALK

**11 Oktober 2024-** PPN Perlis telah mengadakan aktiviti Briskwalk sempena Program 67 Juta Langkah Sihat SPR.





## PERTANDINGAN BADMINTON DAN PERTANDINGAN TENPIN BOWLING KELAB SUKAN & KEBAJIKAN PPN PERLIS



**Pada bulan November** yang lalu, PPN Perlis telah mengadakan Pertandingan Badminton dan Pertandingan Tenpin Bowling yang disertai oleh staf PPN Perlis bertempat di Dewan Badminton, JKR Perlis & Lite SuperBowl Jb, Perlis. Pertandingan ini merupakan aktiviti sukan tahunan anjuran Kelab Sukan & Kebajikan PPN Perlis. Pemenang bagi Pertandingan Tenpin Bowling bagi Kategori Lelaki telah disandang oleh Encik Roshelmi bin Hashim, manakala Juara Kategori Wanita ialah Puan Normi bin Md. Zain.









## MESYUARAT KERJA URUSAN PERSEMPADANAN NEGERI PULAU PINANG

**05-06 November 2024-** Mesyuarat Kerja Urusan Persempadanan Negeri Pulau Pinang telah diadakan bertempat di Hampton Hotel, Tanjong Tokong. Matlamat utama mesyuarat kerja ini bertujuan untuk membincangkan persediaan ke arah pelaksanaan Kajian Semula Persempadanan Pilihan Raya (KSP) sebagaimana termaktub dalam Perkara 113 Perlembagaan Persekutuan.

Skop taklimat dari PLAN Malaysia adalah berkaitan cadangan penyediaan kawasan bahagian pilihan raya termasuk menilai sempadan-sempadan kampung, mukim dan daerah. Skop taklimat dari Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) pula adalah berkaitan dengan proses pewartaan kawasan-kawasan baharu dan kaedah-kaedah dalam melaksanakan pemetaan kawasan.





Mesyuarat kerja ini telah menjemput wakil dari Plan Malaysia dan Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) Negeri Pulau Pinang untuk menyampaikan taklimat.





## PROGRAM OUTREACH TUDM BUTTERWORTH

**24-25 Oktober 2024-** Program outreach TUDM telah diadakan bertujuan untuk mewujudkan lokaliti baharu di Pangkalan Udara Butterworth iaitu dari 4 lokaliti asal kepada 24 lokaliti baharu melibatkan seramai 1,570 pemilih.





## PROGRAM PENDIDIKAN PENGUNDI DI SMK LAMBOR KIRI, PERAK



**25 September 2024-** Bertempat di Dewan Sekolah SMK Lambor Kiri, Program Pendidikan Pengundi dengan kerjasama JAPEN Daerah telah diadakan dari jam 9.30 pagi hingga 2.00 petang. Program ini telah dihadiri oleh 300 orang pelajar. PPN Perak diwakili oleh Encik Mohamad Azrul Bin Jamaludin sebagai Penceramah Utama, dibantu oleh Encik Mohd Seripudin bin Hassan Basri dan Puan Nik Salwani Binti Juhan.







## PROGRAM PENDAFTARAN DAN SEMAKAN PEMILIH

**PPN Perak** telah melaksanakan Program Pendaftaran dan Semakan Pemilih sempena Program Kem Medikal 2024 anjuran Persatuan Kebudayaan India Bercham pada 15 September 2024 dari jam 8.00 pagi hingga 1.00 tengah hari. Program ini telah dihadiri oleh orang awam yang berdekatan dan peserta-peserta daripada persatuan tersebut.

PPN Perak telah diwakili oleh Encik Ahmad Rakiz Bin Johari, Encik Mohd Hafizi Bin Mohd Jamil dan Encik Abdullah Bin Mohd Isa.

## PROGRAM PENDIDIKAN PENGUNDI DI UiTM TAPAH

**PPN Perak** telah melaksanakan Program Pendidikan Pengundi dengan Kerjasama Jabatan Penerangan Daerah di Universiti Teknologi Mara (UiTM) Perak Kampus Tapah pada 02 Oktober 2024, jam 3.00–5.00 petang. Program telah dihadiri oleh penuntut UiTM seramai 1,450 orang. PPN Perak telah diwakili oleh Encik Mohamad Azrul Bin Jamaludin sebagai Penceramah Utama, dibantu oleh Puan Rahimah Binti Malek dan Puan Nik Salwani Binti Juhan. Program ini diadakan di Dewan ZETA, UiTM Perak.





## TABUNG SEDEKAH JUMAAT



**PPN Perak** telah menjalankan Tabung Sedekah Jumaat bagi meringankan beban dan berkongsi rezeki daripada kakitangan PPN Perak kepada yang memerlukan. Pada 08 November 2024, sumbangan ini telah diserahkan kepada Imam Kadir, Surau Diri Jumaat SDJ Al Makruf, Medan Klebang Prima bagi membantu keperluan surau tersebut.

## PROGRAM JOM SIHAT "TARGET 8K LANGKAH SEHARI"

PPN Perak telah menyahut cabaran daripada Ibu Pejabat dengan menyertai Program Jom Sihat, Sihat itu Hebat dengan Target 8K Langkah Sehari. PPN Perak telah menerima anugerah dengan pencapaian 67 Juta Langkah Sehari dengan penglibatan hampir keseluruhan kakitangan PPN Perak.









## PELUPUSAN ASET ALIH KERAJAAN (PERABOT PEJABAT) PPN PERAK

**11 Disember 2024-** Pejabat Pilihan Raya Negeri Perak telah melaksanakan kerja-kerja pelupusan aset alih kerajaan bagi perabot pejabat yang rosak. Pelupusan ini telah dijalankan di kawasan tapak pelupusan sampah, Batu 3, Jalan Tanjung Tualang, Batu Gajah di bawah pemantauan pegawai dari Jabatan Kesihatan Awam dan Perkhidmatan Perbandaran, Majlis Daerah Batu Gajah iaitu Encik Meor Hashim bin Meor Zakaria. Kerja-kerja pelupusan aset ini melibatkan seramai 7 orang kakitangan PPN Perak.















LENSA PPN

# KEDAH

## MAJLIS BAKTI DISANJUNG, BUDI DIJUNJUNG DAN SAMBUTAN HARI LAHIR WARGA PPN KEDAH



**29 September 2024-** Bertempat di PPN Kedah, Kelab Sukan dan Kebajikan Pejabat Pilihan Raya Negeri Kedah (KESKED) telah menganjurkan satu majlis Bakti Disanjung, Budi Dijunjung bagi meraikan Encik Ahmad Afiq Ikmal bin Hasnizam, kakitangan MySTEP yang telah ditawarkan pekerjaan baharu mulai 1 Oktober 2024. Disamping itu, KESKED juga meraikan sambutan hari lahir ahli KESKED yang lahir bagi Bulan Julai, Ogos dan September.









## OUTREACH SEMPENA KARNIVAL TANJONG DAWAI DAN HARI BERTEMU PELANGGAN

**17 September 2024-** Satu program outreach telah diadakan di Tanjong Dawai bagi Program Pesta Tanjung Dawai dan Sempena Bertemu Pelanggan dan Hari Malaysia 2024. Program ini telah dianjurkan oleh Pejabat Daerah Kuala Muda dan dirasmikan oleh YBhg. Dato' Pegawai Daerah Kuala Muda.









Program ini telah disertai pelbagai agensi kerajaan negeri dan persekutuan. Selain kaunter outreach, PPN Kedah juga turut mengadakan pameran peralatan pilihan raya dan para pengunjung diberi penerangan mengenai kaedah mengundi yang betul.

## GIMIK PELANCARAN 67 JUTA LANGKAH PEJABAT PILIHAN RAYA NEGERI KEDAH

**01 Oktober 2024-** PPN Kedah telah mengadakan gimik pelancaran 67 juta langkah. Dalam majlis tersebut, Puan Pengarah telah menyampaikan amanat serta kata-kata semangat untuk peserta 67 juta langkah PPN Kedah. Seterusnya, Puan Pengarah membuat gimik dengan memotong riben pada banting sebagai tanda pelancaran 67 juta langkah peringkat PPN Kedah. Program ini telah diadakan di ruang legar PPN Kedah.






## PELUPUSAN PETI UNDI DAN BEG KUNING



## PROGRAM JIWA MADANI@KELAB MALAYSIAKU




**09 September 2024-** JAPEN Daerah Pendang telah bekerjasama dengan PPN Kedah bagi Program Pendidikan Pengundi. Program ini telah dihadiri seramai 135 orang melibatkan enam (6) buah sekolah di Daerah Pendang. Majlis Penutup program ini telah disempurnakan oleh Ketua Penolong Pengarah JPN Negeri Kedah bagi mewakili Pengarah Pendidikan Negeri Kedah. Program ini dijalankan dengan jayanya di Auditorium Wisma Persekutuan Anak Bukit.

**17 November 2024-** PPN Kedah telah melaksanakan pelupusan peti undi dan beg kuning yang telah rosak. Program ini diadakan dengan kerjasama Majlis Perbandaran Kubang Pasu (MPKP). Pelupusan ini telah diadakan di ladang kelapa sawit bersebelahan Dewan Wawasan, Jitra. Pengarah PPN Kedah dan YDP MPKP juga turut hadir bagi menyaksikan pelupusan peti undi dan beg kuning ini.





## PROGRAM GOTONG-ROYONG PASCA BANJIR NEGERI KEDAH



**5 Disember 2024-** PPN Kedah telah mengadakan program gotong-royong pasca banjir bagi membantu mencuci rumah kakitangan PPN Kedah yang terlibat dengan banjir pada 01 Disember 2024. Seramai 20 orang kakitangan PPN Kedah telah terlibat dengan program gotong royong ini. Program gotong-royong ini diadakan selama 2 jam bermula jam 9.30 pagi di Kampung Bukit Pinang, Kepala Batas, Kedah.







LENSA PPN
# SELANGOR

## MAJLIS PERSARAAN ENCIK ABDUL RAHMAN BIN MANSOR

**08 NOVEMBER 2024 –** PPN Selangor telah mengadakan satu majlis persaraan buat Encik Abdul Rahman Bin Mansor sebagai tanda menghargai dan terima kasih di atas khidmat yang diberikan selama bertugas di PPN Selangor ini. Encik Abdul Rahman Bin Mansor telah berkhidmat di PPN Selangor selama 22 tahun sebagai Pemandu.









## PROGRAM PENDIDIKAN PENGUNDI SMK TINGGI KLANG

**06 NOVEMBER 2024** – PPN Selangor telah menerima jemputan dari pihak SMK Tinggi Klang untuk mengadakan Program Pendidikan Pengundi bagi pelajar-pelajar Tingkatan 6. Seramai 130 orang pelajar yang terlibat dalam program ini. Program ini telah disampaikan oleh Tuan Haji Kamarul Azman Bin Ahmad Sabri, Timbalan Pengarah PPN Selangor selaku Penceramah Utama dan pembantu penceramah dibantu oleh Mohd Shaheed Bin Mohd Ayub, Ahmad Zaki Bin Bahari, Norlinda Binti Ahmad dan Rozana Binti Mohd Tahir





## TAKLIMAT PENGURUSAN PENGUNDIAN POS

**07-08 NOVEMBER 2024** – PPN Selangor dengan kerjasama Akademi Pilihan Raya telah mengadakan satu taklimat pengurusan pengundian pos kepada semua kakitangan PPN Selangor. Encik Nik Aminudin dari Akademi Pilihan Raya adalah penceramah bagi taklimat ini. Taklimat ini berlangsung selama 2 hari iaitu bermula 07 hingga 08 November 2024 bertujuan untuk menambahkan lagi ilmu pengetahuan dalam proses pengundian pos.









LENSA PPN

# W.P.KL

## PROGRAM PENDIDIKAN PENGUNDI BERSAMA JABATAN PENERANGAN WILAYAH PERSEKUTUAN DAN KELAB MALAYSIAKU

Sempena Sambutan Bulan Kemerdekaan Dan Hari Malaysia Bersama Jabatan Penerangan Wilayah Persekutuan Dan Kelab Malaysiaku di sekolah berikut:

- **SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN TIARA PERMAI**
  22 Ogos 2024 - 250 peserta.
- **SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN TAMAN MALURI**
  21 Ogos 2024 - 100 peserta.
- **SEKOLAH MENENGAH SAINS ALAM SHAH**
  27 Ogos 2024 - 250 peserta
- **SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN ST. GABRIEL**
  28 Ogos 2024. - 80 peserta
- **SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN TASIK PERMAISURI**
  11 September 2024 - 200 peserta.
- **SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN SENTUL UTAMA**
  9 Oktober 2024 - 50 peserta.













## PROGRAM PENDIDIKAN PENGUNDI UITM SHAH ALAM






**03 Oktober 2024** - Program VE di Dewan Utama UiTM Shah Alam bermula dari jam 12.00 tengah hari. Penyertaan seramai 2,000 peserta. Taklimat disampaikan oleh Encik Mohamed Izwarnizam bin Mohamed Rashid sebagai penceramah utama, dibantu oleh Cik Nur Fatihah binti Awang@Awang Mustapha dan Cik Eliana Ezaty binti Zainul Abidin.

## PROGRAM OUTREACH UNIVERSITI UTARA MALAYSIA KUALA LUMPUR

Pejabat Pilihan Raya Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah mengadakan program Outreach Semakan Daftar Pemilih dan Pendaftaran Tukar Tempat Mengundi pada 01 Disember 2024 di UUM Kuala Lumpur. Program ini adalah jemputan daripada Universiti Utara Malaysia Kuala Lumpur bagi Program UUMKL Open Day 2024 bersempena Ulang Tahun UUM yang ke-40. Selain membuat semakan dan pendaftaran, PPN W.P. KL juga berpeluang memberikan pendedahan berkenaan pilihan raya di Malaysia kepada bakal pelajar dan juga pendidik.






## PENGANUGERAHAN INSPEKTORAT KESELAMATAN PEJABAT






**09 Oktober 2024 –** Pejabat Pilihan Raya Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur menerima kunjungan Pengarah Keselamatan Kerajaan Wilayah Persekutuan, Encik Anuar bin Seran, bersama Timbalan Pengarah, Encik Shamsir bin Md Salleh. Lawatan ini bertujuan untuk menyampaikan Anugerah Inspektorat Keselamatan Pejabat kepada Pengarah PPN W.P.KL. Pengiktirafan ini mencerminkan komitmen tinggi PPN W.P.KL dalam memastikan keselamatan dan pengurusan pejabat sentiasa berada pada tahap terbaik.

## LATIHAN EVACUATION DRILL BANGUNAN TH SELBORN 2024

Pelaksanaan Program Latihan Evacuation Drill ini telah dijalankan oleh Balai Bomba Jalan Hang Tuah, Kuala Lumpur melibatkan semua penghuni di Bangunan TH Selborn, Jalan Tun Razak. Objektif latihan adalah untuk melatih penghuni bangunan membuat persediaan dalam menghadapi kemungkinan kebakaran dan cara menyelamatkan diri sendiri semasa kebakaran atau kecemasan.








## MAJLIS PENGHARGAAN DAN PERSARAAN ENCIK ROZLAN BIN HASHIM

Pejabat Pilihan Raya Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah mengadakan Majlis Penghargaan dan Persaraan Encik Rozlan bin Hashim pada 30 Ogos 2024 yang telah bersara wajib pada 01 September 2024. Encik Rozlan bin Hashim telah berkhidmat sebagai penjawat awam selama 33 tahun di beberapa jabatan kerajaan. PPN W.P. KL merakamkan jutaan terima kasih atas segala sumbangan dan komitmen yang telah diberikan kepada jabatan.








## PROGRAM PENDIDIKAN PENGUNDI UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UITM) CAWANGAN RAUB

**03 Oktober 2024**- Taklimat kepada 936 pelajar baharu UiTM Cawangan Raub telah diadakan dengan jayanya. Taklimat disampaikan oleh Cik Khairunisah binti Abd Karim, Penolong Pegawai Teknologi Maklumat PPN Pahang, dibantu oleh Hajjah Yazira binti Deraman dan Sukarni binti Shamsudin. Pelajar-pelajar baharu yang telah melaporkan diri pada 28 dan 29 September 2024 memberikan sambutan dan kerjasama yang sangat baik, menjadikan sesi taklimat berjalan lancar.






## PROGRAM PENDIDIKAN PENGUNDI SMK JENGKA 6, MARAN



**26 November 2024**- Program Pendidikan Pengundi melibatkan 168 pelajar Tingkatan 3 dan 4 telah diadakan dengan jayanya. Taklimat disampaikan oleh Cik Nur Atiqah binti Nik Shamsudin, Penolong Pengarah PPN Pahang, dibantu oleh Rohaida binti Hussain, Masnu binti Man, Norhairulriduani binti Haderi, dan Hamidi bin Ismail. Program ini memberi peluang kepada pelajar untuk bertanding sebagai calon serta menyampaikan manifesto masing-masing. Selain itu, mereka turut merasai pengalaman sebenar dalam proses pengundian dengan berperanan sebagai pengundi.





## PROGRAM PENDIDIKAN PENGUNDI UITM JENGKA

**03 Oktober 2024**- Program pendidikan pengundi telah diadakan di UiTM Jengka dari jam 2.30 petang hingga 4.30 petang. Program ini melibatkan penyertaan seramai 2,200 pelajar dan berlangsung dengan jayanya. Sesi ini bertujuan meningkatkan kesedaran serta pemahaman pelajar tentang tanggungjawab sebagai pengundi dalam proses pilihan raya.





LENSA PPN

# MELAKA

## KURSUS PEMATUHAN AKTA KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN

**Kursus Pematuhan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan** telah diadakan pada 09 September 2024 (Isnin) di Bilik Mesyuarat, Pejabat Pilihan Raya Negeri Melaka melibatkan seramai 23 orang peserta. Kursus ini telah disampaikan oleh Encik Mohammad Fikri bin Abdul Talib, Pemeriksa Kilang dan Jentera, Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negeri Melaka. Objektif kursus ini adalah memberi kefahaman dan kesedaran tentang aspek Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan serta memberi panduan berkaitan keselamatan pejabat dan ergonomi, keselamatan kebakaran, prinsip pertolongan cemas serta amalan selamat di tempat kerja.





## TAKLIMAT MYSPR MODUL PENGURUSAN BAJET DAN PERALATAN PILIHAN RAYA ZON SELATAN



Unit Pengurusan Aset dan Stor, Bahagian Khidmat Pengurusan, Ibu Pejabat Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia telah mengadakan Taklimat MySPR Modul Pengurusan Bajet dan Modul Pengurusan Peralatan Pilihan Raya bagi Zon Selatan pada 1 Oktober 2024 (Selasa) di Bilik Mesyuarat, Pejabat Pilihan Raya Negeri Melaka. Taklimat ini melibatkan seramai 20 orang peserta.

## PERTANDINGAN SUKAN DALAMAN PPN MELAKA TAHUN 2024

**Kelab Sukan dan Kebajikan PPN Melaka** telah mengadakan Pertandingan Sukan Dalaman pada 10 hingga 13 Disember 2024. Antara sukan yang dipertandingkan adalah permainan congkak, batu seremban, karom, lompat tenteng, pingpong dan dart. Objektif pertandingan sukan ini diadakan bagi membina kerjasama yang tinggi dalam pasukan, mengeratkan lagi ukhwah yang terjalin sesama kakitangan, menyediakan ruang keseronokan bekerja di pejabat di samping mencungkil bakat terpendam di kalangan warga kerja PPN Melaka





## KAUNTER OUTREACH PPN MELAKA

Santuni Madani pada 25 September 2024 bertempat di Dewan Serbaguna Kg Jawa, Segamat, Johor.





Outreach seterusnya pada 17 Oktober 2024 bertempat di Japerun Sungai Rambai, Melaka.





# NEGERI SEMBILAN

## OUTREACH SEMPENA PROGRAM MADANI SEJAHTERA KAMPUNG ORANG ASLI KEDAT, MANTIN

Pada 14 September 2024 telah berlangsungnya Outreach Sempena Program Madani Sejahtera di Kampung Orang Asli Kedat, Mantin. Program ini merupakan anjuran JAKOA Seremban / Port Dickson / Rembau. Pelbagai aktiviti dijalankan sepanjang program ini berlangsung.





## PROGRAM PENDIDIKAN PENGUNDI KELAB MALAYSIAKU DAERAH TAMPIN

1. SMK Jelai (FELDA)
2. SMK Gemas
3. SMK Taman Indah
4. SMK Dato' Mohd Taha
5. SMK Tunku Besar Tampin

Tarikh : 09 Oktober 2024
Jumlah Peserta : 110 Orang




## PROGRAM LAWATAN DAN MESYUARAT KERJA URUSAN PERSEMPADANAN DAN PENGURUSAN PILIHAN RAYA

Mesyuarat ini telah diadakan pada 10 hingga 12 September 2024 bertempat di Colmar Tropicale, Bukit Tinggi, Pahang. Mesyuarat dirasmikan oleh YBhg. Dato' Indera Ikmalrudin Bin Ishak, Setiausaha SPR. YBrs. Tuan Haji Shafie Bin Taib, Timbalan Setiausaha (Operasi), Encik Muhammad Faliq Bin Mustafa Kamal, Setiausaha Bahagian (PS) dan Encik Syukur Bin Khalid, Setiausaha Bahagian (POP) turut hadir ke program ini.

Perbincangan antara lain termasuk mengenai cadangan urusan persempadanan Negeri Sembilan yang sedang diperkemas dan hal-hal berbangkit bagi urusan pilihan raya.








## PROGRAM PENDIDIKAN PENGUNDI BERSAMA KELAB MALAYSIAKU

**SMK Undang Rembau**
Tarikh : 25 September 2024
Jumlah Peserta : 100 Orang




**SMK Tinggi Port Dickson**
Tarikh : 26 September 2024
Jumlah Peserta : 100 Orang





**SMK Tanah Merah Port Dickson**
Tarikh : 16 Oktober 2024
Jumlah Peserta : 125 Orang




## PROGRAM PENDIDIKAN PENGUNDI SEMPENA TAARUF PELAJAR BAHARU SARJANA MUDA SESI AKADEMIK 2024/2025, UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA (USIM), NILAI

Tarikh : 03 Oktober 2024 (Khamis)
Jumlah Peserta : 2,250 orang













## OUTREACH SEMPENA PERTANDINGAN MEMANCING TERTUTUP DUN LENGGENG

Pada 27 Oktober 2024 telah berlangsungnya Outreach Sempena Pertandingan Memancing Tertutup DUN Lenggeng bertempat di Kolam Memancing ED, Kampung Panchor. Program ini merupakan anjuran Komuniti Madani Taman Ampangan dan telah dirasmikan oleh YB Datuk Haji Mohd Asna Bin Amin (ADUN Lenggeng). Pelbagai aktiviti dijalankan sepanjang program ini berlangsung.








## OUTREACH SEMPENA PROGRAM SUKAN RAKYAT DUN LENGGENG 2024

Pada 15 Disember 2024 telah berlangsungnya Outreach Sempena Program Sukan Rakyat DUN Lenggeng 2024 di Padang Bola Sepak, Taman Panchor Jaya Fasa 3. Pelbagai aktiviti dijalankan sepanjang program ini berlangsung.








LENSA PPN

# JOHOR

## BENGKEL SYOR AWAL KAJIAN SEMULA PERSEMPADANAN NEGERI JOHOR 2024

Tarikh : 24 - 26 November 2024
Tempat: UK Farm Agro Resort, Kluang






## BENGKEL *POST MORTEM* BAGI PRK DEWAN NEGERI N.29 MAHKOTA 2024

Tarikh  : 28 - 29 November 2024
Tempat : Tanjung Puteri Golf Resort, Pasir Gudang






## SAMBUTAN MAULIDUR RASUL PERINGKAT WISMA PERSEKUTUAN JOHOR BAHRU

Tarikh  : 01 Disember 2024
Tempat : Wisma Persekutuan Johor Bahru





## SUKAN DAN RIADAH PERTANDINGAN BOWLING TERTUTUP

Tarikh  : 29 November 2024
Tempat : Pusat Bowling Tanjung Puteri Golf Resort, Pasir Gudang







## MINI KARNIVAL PENDIDIKAN PENGUNDI DAN SANTUNI MADANI KAMPUNG JAWA, MUKIM SUNGAI SEGAMAT

**23 November 2024 -** Mini Karnival Pendidikan Pengundi dan Santuni Madani telah berlangsung di Kampung Jawa, Mukim Sungai Segamat. Program dimeriahkan dengan lawatan YB DUN Segamat.





Pelbagai aktiviti menarik diadakan, termasuk pertandingan mewarna kanak-kanak yang diakhiri dengan penyampaian hadiah kepada para pemenang. Selain itu, bantuan makanan telah disampaikan kepada penduduk kampung oleh Pengarah PPN Johor, sebagai tanda keprihatinan.



Sesi pendidikan pengundi juga mendapat sambutan baik, dan sijil penyertaan telah disampaikan kepada peserta oleh Pengarah PPN Johor. Program ini turut menyediakan makan dan minum untuk peserta dan tetamu yang hadir, menjadikannya sebuah acara yang bermakna kepada komuniti setempat.



## PROGRAM PERHIMPUNAN BULANAN PPN KELANTAN



**04 Disember 2024** - PPN Kelantan telah mengadakan program perhimpunan bulanan yang dipengerusikan oleh Tuan Haji Fakrul Razi Bin Ab Wahab, Pengarah PPN bersama semua kakitangan. Perhimpunan ini sebagai platform penyampaian amanat pengarah dan perkongsian maklumat serta laporan terkini aktiviti yang dijalankan di PPN Kelantan. Dalam platform yang sama, Tuan Haji Fakrul Razi telah menyampaikan medal kepada 13 peserta yang menjuarai program 67 Juta Langkah SPR yang dianjurkan oleh Ibu Pejabat.







## CERAMAH KESELAMATAN DARI KETUA SEKSYEN PROMOSI DAN SUMBER JABATAN KESELAMATAN PEKERJA (JKKP)



PPN Kelantan telah menjemput Puan Salma Binti Mat Rifin, Ketua Seksyen Promosi & Sumber Jabatan Keselamatan Pekerja (JKKP) bagi menyampaikan ceramah yang bertajuk Keselamatan di Tempat Kerja. Ceramah ini bertujuan memberi info dan peringatan kepada kakitangan PPN untuk sentiasa peka dan menjaga keselamatan di tempat kerja.







LENSA PPN

# TERENGGANU

## PROGRAM PAMERAN INFORMASI MINGGU MESRA SISWA (MMS) KEMASUKAN PELAJAR IJAZAH SESI 2024/2025



**Tarikh:** 30/9- 03/10/2024
**Tempat :** Universiti Sultan Zainal Abidin, UniSZA

Program Pameran Informasi Minggu Mesra Siswa (MMS) Kemasukan Pelajar Ijazah Sesi 2024/2025 telah diadakan pada 30 September Hingga 03 Oktober 2024 bertempat di UNISZA. PPN Terengganu terlibat sama dalam program tersebut. Satu reruai pameran telah dibuka dan pelbagai aktiviti turut diadakan.



## TAKLIMAT KLIK HASIL: CUKAI PENDAPATAN DAN ZAKAT BERSAMA WAKIL LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI (LHDN) NEGERI TERENGGANU

**Tarikh:** 27/11/2024
**Tempat:** Bilik Gerakan PPN Terengganu





## PROGRAM PEMUSNAHAN REKOD KEWANGAN DAN PENTADBIRAN





**Tarikh:** 07/11/2024
**Tempat :** Leung Huat Thimber Industries (M), Wakaf Tapai



Program Pemusnahan Rekod Kewangan dan Pentadbiran telah diadakan pada 07 November 2024 bertempat di Leung Huat Thimber Industries (M), Wakaf Tapai. Pemusnahan rekod dapat membantu mengatasi masalah ruang di pejabat. Pemusnahan rekod kewangan dan perakaunan merupakan proses akhir dalam pengurusan rekod di mana rekod yang telah selesai tindakan dan tidak digunakan lagi serta telah mencapai tempoh minimum penyimpanan dimusnahkan mengikut peraturan yang telah ditetapkan.

## GOTONG-ROYONG KEDIAMAN ENCIK MOHD SAFWAN BIN CHE ABD RANI YANG DILANDA MUSIBAH BANJIR TELAH DIADAKAN PADA 5 DISEMBER 2024











## PROGRAM PENDIDIKAN PENGUNDI

Program Pendidikan Pengundi - Taklimat dan simulasi diberikan kepada pelajar Universiti Teknologi Mara (UiTM) Kampus Kuala Terengganu dan Kampus Bukit Besi telah diadakan pada 02 Oktober 2024. Peserta yang terlibat adalah seramai 264 orang dan 346 orang masing-masing. Program VE di UiTM kampus Dungun telah diadakan pada 3 Oktober 2024 melibatkan 1,800 orang pelajar.











LENSA PPN

# SABAH

## PROGRAM-PROGRAM PENDIDIKAN PENGUNDI

Sepanjang September hingga Disember 2024, sebanyak 6 Program Pendidikan Pengundi anjuran JAPEN, satu anjuran UiTM Kota Kinabalu, satu anjuran Dewan Belia DUN N.26 Mayog dan satu di SMK Benoni Papar telah dilaksanakan oleh PPN Sabah. Taklimat yang disampaikan oleh Encik Ebur bin Sabtar, dibantu oleh Encik Edri Elbin Masibin adalah seperti berikut:

**JAPEN Beluran**
**24 September 2024-** Dewan Makan SMK Beluran dari jam 8.00 pagi hingga 1.00 tengah hari. Disertai oleh 100 pelajar.



**JAPEN Kota Belud**
**09 Oktober 2024-** Bilik Seminar Bangunan Persekutuan Kota Belud dari jam 8.00 pagi hingga 1.00 tengah hari. Disertai 150 pelajar Sekolah Menengah Daerah Kota Belud.



**JAPEN Kota Marudu**
**29 Oktober 2024-** Di Dewan Datuk Anita Baranting, SMK Bandau, Kota Marudu dari jam 8.00 pagi hingga 12.00 tengah hari. Program disertai oleh 100 pelajar.



**Anjuran Dewan Belia Dun N.26 Moyog**
**21 September 2024**- Balai Raya Kg. Nambazan, Penampang, dari jam 8.00 pagi hingga 12.00 tengah hari. Taklimat disertai oleh 30 peserta.




**JAPEN Penampang**
**01 Oktober 2024-** Dewan Sri Malakun, SMK Limbanak dari jam 12.30 tengah hari hingga 4.00 petang. Disertai oleh 300 pelajar.



**JAPEN Tambunan**
**13-14 November 2024 -** Diadakan selama dua hari di Dewan SMK Tambunan. Program merangkumi taklimat serta sesi pemilihan YDP, NYDP, Setiausaha, dan Bendahari ini disertai oleh 365 pelajar Pusat Tingkatan Enam.



**JAPEN Papar**
**03 Disember 2024-** Diadakan di SMK Majakir, Papar dari jam 8.00 pagi hingga 1.00 tengah hari. Program disertai oleh 120 pelajar.



**Anjuran UiTM Sabah**
**23 Oktober 2024-** Dewan Albukhari, UiTM Kota Kinabalu dari jam 11.00 pagi hingga 4.00 petang. Program disertai oleh 1,400 pelajar.



**SMK Benoni, Papar**
**20 November 2024-** Dewan Intelek SMK Benoni, Papar dari jam 8.00 pagi hingga 1.00 tengah hari. Program disertai oleh 120 pelajar.



## TAKLIMAT PERANAN DAN TUGAS PDRM DALAM PILIHAN RAYA

17 Disember 2024- Diadakan di Dewan Serbaguna IPD Kota Kinabalu dari jam 10.00 pagi hingga 12.00 tengah hari. Program disertai oleh 50 pegawai PDRM.

Taklimat disampaikan oleh Puan Jhassmeen Nureen Anak Ngong, dibantu oleh Encik Ebur bin Sabtar dan Encik Edri Elbin Masibin. Taklimat sempena Latihan dalam Perkhidmatan IPD Kota Kinabalu ini memberi pendedahan mengenai peranan dan tugas PDRM dalam pilihan raya.





LENSA PPN

# SARAWAK

## PENDAFTARAN ANGGOTA TENTERA DI KEM MUARA TUANG

Tarikh : 09 September 2024 (Isnin)
Tempat : Batalion Pertama Perubatan
Jumlah anggota : 100 orang





## PENDAFTARAN DI KAMPUNG SANTUBONG

Tarikh : 14 September 2024 (Sabtu)
Tempat: Masjid Nurir Rahmani
Jumlah pendaftaran : 30 orang






## PENDAFTARAN ANGGOTA POLIS DI PGA BATU KAWA

Tarikh: 14 September 2024 (Sabtu)
Tempat: PGA Batu Kawa
Jumlah anggota: 284 orang





## PROGRAM KEMBARA KASIH 2024

Tarikh : 21 September 2024 (Sabtu)
Tempat: Tapak Program Kembara Kasih, Lawas
Jumlah orang awam: 24 orang





## PENDAFTARAN ANGGOTA POLIS DI IPD SIBU

Tarikh : 02 Oktober 2024 (Rabu)
Tempat : IPD Sibu
Jumlah anggota : 50 orang



## PENDAFTARAN DI POLIKLINIK KESIHATAN ANGKATAN TENTERA PENRISSEN

Tarikh : 18 Oktober 2024 (Jumaat)
Tempat : Poliklinik Kesihatan
Jumlah : 64 orang





## PROGRAM PENDIDIKAN PENGUNDI

Tarikh: 25 September 2024 (Rabu)
Tempat: SMK Serian
Jumlah peserta: 200 orang






Tarikh : 30 September 2024 (Isnin)
Tempat : UNIMAS
Jumlah peserta: 3664 orang





Tarikh : 02 Oktober 2024 (Rabu)
Tempat: UITM Kota Samarahan
Kampus 2
Jumlah peserta: 678 orang





## MESYUARAT PEGAWAI DAN KAKITANGAN BERSAMA PENGERUSI SPR

Tarikh : 03 Disember 2024 (Selasa)
Masa : 11.00 Pagi - 1.00 Tengah hari
Tempat : Bilik Gerakan, PPN Sarawak





## LAWATAN TAPAK KE BALAI POLIS SANTUBONG

Tarikh : 14 November 2024 (Khamis)
Tempat: Balai Polis Santubong






## PERTANDINGAN TENPIN BOWLING DI MEGALANES KING CENTRE KUCHING

Biro Sukan Kelab BUDI-SPR telah menganjurkan pertandingan tenpin bowling pada 30 November 2024 (Sabtu). Program bermula seawal jam 10.00 pagi dengan ketibaan semua pegawai dan kakitangan PPN Sarawak. Simbolik “NGOLENG BOLA BOWLING” dibuat oleh Encik Abang Noraffian bin Abang Hj. Ibrahim, Pengarah PPN Sarawak sebagai pembuka acara.





# Luas Pengalaman




## LAWATAN KERJA PROGRAM PEMERHATI ANTARABANGSA SINGLE VOTING DAY (SVD) RUSIA TAHUN 2024

*Encik Mohd Rizuan bin Md Drus | Ketua Program Pendidikan Pengundi*

**05 hingga 09 September 2024-** Central Election Commission of the Russian Federation (CEC Rusia) telah menjemput Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) untuk menghadiri Lawatan Kerja Program Pemerhati Antarabangsa Single Voting Day (SVD) Rusia Tahun 2024.

Dua orang delegasi SPR yang telah hadir adalah YBhg. Dato' Sri Ramlan bin Dato' Harun, Pengerusi SPR dan Encik Mohd Rizuan bin Md Drus, Ketua Program Pendidikan Pengundi, Akademi Pilihan Raya.

Selain daripada Malaysia, delegasi antarabangsa lain yang turut berkesempatan untuk menyertai program ini termasuklah pegawai Badan Pengurusan Pilihan Raya (Election Management Body - EMB) dari Sierra Leone, Mexico, Filipina dan Afrika Selatan.

**Pelaksanaan Single Voting Day (SVD) 2024**

Rusia merupakan negara terbesar di dunia dengan keluasan 17,098,242km per segi merentasi benua Eropah dan Asia meliputi 11 zon masa. CEC Rusia bertanggungjawab menguruskan pilihan raya hampir setiap minggu di seluruh Rusia bagi pelbagai peringkat persekutuan, wilayah dan pihak berkuasa tempatan.

Dianggarkan hampir 5,000 pilihan raya pelbagai peringkat perlu dilaksanakan oleh CEC Rusia setiap tahun dan situasi ini memerlukan kos yang tinggi, sumber manusia dan sukarelawan yang ramai serta komitmen tinggi kepada pengundi untuk keluar mengundi.

Justeru, CEC Rusia telah memperkenalkan Single Voting Day (SVD) yang dilaksanakan pada Ahad kedua setiap September. SVD diadakan secara serentak di seluruh Rusia bagi memberikan kemudahan kepada bukan sahaja semua peringkat Suruhanjaya Pilihan Raya tetapi lebih penting lagi kemudahan kepada para pengundi.

Secara umumnya SVD 2024 diadakan selama tiga (3) hari bermula 6 September 2024 hingga 8 September 2024. Pusat mengundi dibuka dari jam 8.00 pagi dan ditutup pada jam 8.00 malam.

### Hari Pertama (Moscow)




Delegasi dibawa ke CEC Rusia bagi melihat bilik gerakan dan proses penyampaian maklumat berkaitan SVD 2024 kepada semua pihak media dari dalam dan luar negara. Bilik gerakan CEC Rusia dilengkapi dengan maklumat peratus keluar mengundi bagi setiap wilayah yang melaksanakan pilihan raya dan kemudahan persidangan video antara CEC Rusia dengan semua EC di peringkat wilayah, *territorial* dan *precint*.

Selepas itu, delegasi dibawa melawat ke Pejabat Awam Untuk Pemerhati Pilihan Raya bagi melihat kaedah pemantauan yang dilaksanakan oleh pemerhati dalam dan luar negara.



*Pejabat ini dilengkapi dengan CCTV yang memaparkan suasana di semua saluran pengundian dan boleh diakses oleh semua pihak bagi menunjukkan ketelusan proses pilihan raya.*

Hari pertama diakhiri dengan lawatan ke saluran pengundian di sekitar Moscow bagi menyaksikan perjalanan proses pilihan raya yang berlangsung.

### Hari Kedua (St. Petersburg)



St. Petersburg, 8 jam menaiki kereta api dari Moscow. Delegasi telah dibawa melawat ke saluran pengundian di sekitar St. Petersburg. Suasana di sekitar pusat mengundi dilihat sangat tenang.



Peti undi yang digunakan adalah lebih besar dan kertas undi tidak perlu dilipat sepertimana pelaksanaan di Malaysia. Pemerhati pilihan raya sama ada parti politik, badan bukan kerajaan atau orang awam boleh membuat pemerhatian di pusat pemerhati melalui visual CCTV bagi hampir semua saluran pengundian.




Delegasi kemudian dibawa ke pejabat Suruhanjaya Pilihan Raya (EC) St. Petersburg Delegasi dimaklumkan bahawa Suruhanjaya Pilihan Raya St. Petersburg turut melibatkan golongan muda dalam membincangkan penambahbaikan proses pilihan raya. Delegasi seterusnya melawat Pusat Media bagi meninjau keadaan dan proses penyampaian maklumat daripada CEC atau EC St. Petersburg kepada pengundi.

### Hari Ketiga (Kronstadt)

Delegasi ke Bandar Kronstadt, pulau yang terletak berhampiran dengan sempadan Finland. Semasa di Kronstadt, delegasi melawat ke dua pusat mengundi.



Setiap saluran pengundian boleh menampung maksimum 3,000 orang pengundi dan sekiranya pengundi melebihi jumlah tersebut saluran seterusnya akan dibuka.

### Hari Keempat (Moscow)

Delegasi kembali ke Moscow dan mengadakan pertemuan dengan Pengerusi CEC Rusia iaitu Ella Pamfilova bagi mengucapkan penghargaan di atas jemputan dan sambutan yang diberikan.




### Kesimpulan

Dari kaca mata pemerhati, pelaksanaan pilihan raya ini boleh disifatkan telus. Delegasi bukan sahaja dibenarkan memasuki semua lokasi yang terlibat dalam proses pilhan raya tetapi juga dibenarkan mengambil gambar termasuklah gambar kertas undi dan merakam video proses pengundian di dalam saluran pengundian. Jom baca cerita penuh di sini:

# SAMBUTAN MAULIDUR RASUL PERINGKAT KEBANGSAAN




**18 September 2024** - Majlis Sambutan Maulidur Rasul Peringkat Kebangsaan telah diadakan di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) pada 16 September 2024 (Isnin) / 12 Rabiuawal 1446H, dianjurkan oleh Jabatan Agama Islam Malaysia (JAKIM) bertemakan "Al-Falah Pemacu Malaysia Madani". Seramai 26 Orang Warga SPR telah menghadiri majilis sambutan pada tahun ini.

Sambutan Maulidur Rasul adalah merupakan salah satu acara rasmi Kerajaan yang disambut setiap tahun sama ada di peringkat Persekutuan dan Negeri sesuai dengan kedudukan Islam sebagai Agama Persekutuan Malaysia. Sambutan bukan sekadar untuk memperingati hari ulang tahun kelahiran Rasulullah SAW, malah ia menjadi wadah terbaik dalam menyantuni masyarakat meneladani susur kehidupan, perjuangan dan sunnah Rasulullah SAW.

Keberangkatan KDYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Sultan Ibrahim dan KDYMM Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Raja Zarith Sofiah serta YAB Perdana Menteri dan YABhg. Dato' Seri Dr. Wan Azizah Dr. Wan Ismail dan tetamu kehormat lain yang hadir bersama untuk sambutan pada tahun ini. Pelbagai program telah diadakan sebagai pengisian Sambutan Maulidur Rasul kali ini dan acara kemuncak adalah penyampaian Anugerah Maulidur Rasul Tahun 1446H/2024M. Selain itu, satu persembahan khas Maulidur Rasul turut dipersembahkan kepada semua hadirin yang hadir.




Semoga Sambutan Maulidur Rasul tahun ini dapat memberi manfaat yang bermakna buat kita semua ke arah melahirkan ummah yang berjaya dunia dan akhirat.









# REST AND RECHARGE












MANIFEST

# INSPIRASI

# REIMAGINING RETIREMENT:

## A New Chapter, Not the End

Retirement is not a full stop, but a fresh start,
A time to live in a brand-new art.
Not just resting with no direction,
But reviving dreams with deep affection.

Now's the time to write anew,
To learn, to travel, to share what's true.
To paint, to garden, to teach, to inspire,
To fuel the soul with endless fire.

Age is just a number in time,
The spirit stays young, always in prime.
As long as there's light, as long as there's way,
Life is about meaning, not wealth on display.

So, reimagine retirement with open eyes,
Let it be colorful, let it rise.
For life is not about how long we stay,
But how we live it, day by day.

100225



Shammy Chee Ross
**Penolong Pengarah (Komunikasi Strategik)**
**Akademi Pilihan Raya**
**Bersara pada: 02 Januari 2025**

# LENS@ PILIHAN RAYA

## PILIHAN RAYA KECIL DEWAN NEGERI N.29 MAHKOTA, JOHOR

**Mesyuarat Khas dan Penyerahan Writ : 13 Ogos 2024**







**Hari Penamaan Calon : 14 September 2024**











**Hari Undi Awal : 24 September 2024**






**Hari Pengundian dan Penjumlahan Rasmi Undi : 28 September 2024**









# TRIVIA

## Tahukah Anda ...




**16 FEBRUARI 1952**

Pilihan Raya Majlis Bandaran Kuala Lumpur diadakan bagi memilih 12 wakil dalam Majlis Bandaran Kuala Lumpur. PERIKATAN memenangi 9 kerusi. Parti Kemerdekaan Malaya 2 kerusi dan 1 kerusi dimenangi calon bebas

***Pilihan Raya Kerajaan Tempatan telah dimansuhkan dan terhenti berkuat kuasa melalui Akta Kerajaan Tempatan 1976***



# HEBAHAN

## System-EKCMS

Sistem Perpustakaan SPR berwajah baharu! Sistem Perpustakaan telah dinaik taraf dan kini boleh dicapai melalui pautan https://sprlibrary.spr.gov.my. Semua warga SPR boleh menikmati pengalaman ilmiah yang menyeronokkan dengan mendaftar masuk dan mengaktifkan akaun sebagai pengguna. Memperkenalkan... Sistem Pengurusan Perpustakaan Atas Talian (*Electronic Knowledge & Content Management System*-EKCMS)!

Melalui sistem ini, anda boleh membuat:

- Carian tajuk buku secara dalam talian
- Mengakses akhbar *online* (tertakluk kepada langganan Pusat Sumber sahaja)
- Tempahan buku secara dalam talian






# SENARAI *PERSON IN CHARGE* (PIC)

## Ibu Pejabat

1. Encik Mohamad Firdaus bin Haris Fadzilah
   Bahagian Penyelidikan Dan Analisis Data
2. Encik Mohamad Hirman bin Md. Yusuf
   Bahagian Penjalanan Pilihan Raya
3. Encik Mohd Shazali bin Md Nor
   Bahagian Pendaftaran Pemilih
4. Puan Aina binti Osman
   Bahagian Khidmat Pengurusan
5. Puan Nooratul Ashikin Binti Dilah
   Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
6. Puan Hamizah binti Mohamad
   Bahagian Kewangan
7. Puan Shamsiah binti Chee Ros
   Akademi Pilihan Raya
8. Puan Nomi Juliana Binti Mohd Redzuan Min
   Akademi Pilihan Raya
9. Puan Nurulfaiza binti Mad Yusuf
   Bahagian Pengurusan Maklumat
10. Encik Harianto bin Saleh
    Bahagian Persempadanan
11. Encik Nik Mohamed Norsyahfiq bin Nik Othman
    Bahagian Dasar dan Antarabangsa
12. Puan Nurlida binti Awang
    Bahagian Pembangunan Operasi dan Pemantauan
13. Encik Muhammad Ashraf Bin Ahmad Jarkasi
    Unit Komunikasi Korporat
14. Puan Mazlinda binti Mohd Mazlan
    Pejabat Penasihat Undang-Undang
15. Encik Shahrul Nizal bin Md Shah
    Unit Integriti

## Pejabat Pilihan Raya Negeri

16. Encik Mohamad Solehudin bin Ismail
    Pejabat Pilihan Raya Negeri Kedah
17. Encik Roslan Hussin bin Rahmat
    Pejabat Pilihan Raya Negeri Johor
18. Encik Mohd Azhar bin Nasaruddin
    Pejabat Pilihan Raya Negeri Johor
19. Encik Muhammad Taufiq bin Abdul Jalil
    Pejabat Pilihan Raya Negeri Kelantan
20. Puan Norhamiza binti Ibrahim
    Pejabat Pilihan Raya Negeri Terengganu
21. Cik Sharifah Nur Fadhila Binti Syed Ahmad
    Pejabat Pilihan Raya WP.KL
22. Cik Noor Asmida binti Idris
    Pejabat Pilihan Raya Negeri Melaka
23. Encik Mohd Azhary bin Abdullah
    Pejabat Pilihan Raya Negeri Sembilan
24. Cik Sarimah binti Sharif
    Pejabat Pilihan Raya Negeri P.Pinang
25. Puan Zuriana Binti Awang
    Pejabat Pilihan Raya Negeri Perak
26. Encik Che Wan Muhamad Khairi bin Che Wan Ahmad Tajuddin
    Pejabat Pilihan Raya Negeri Pahang
27. Encik Mohd Shaheed bin Mohd Ayub
    Pejabat Pilihan Raya Negeri Selangor
28. Cik Noraini Hafiza binti Rosli
    Pejabat Pilihan Raya Negeri Perlis
29. Encik Ebur bin Sabtar
    Pejabat Pilihan Raya Negeri Sabah
30. Puan Qhairunnisa binti Isa
    Pejabat Pilihan Raya Negeri Sarawak

# SIDANG REDAKSI

## PENAUNG

**YBhg. Dato' Sri Ramlan bin Dato' Harun**

## PENASIHAT

**YBhg. Dato' Indera Ikmalrudin bin Ishak**

## KETUA EDITOR

**Encik Hasanul Isyraf bin Naim**

## EDITORIAL

**Puan Rafidah binti Arshad**

**Puan Shamsiah binti Chee Ros**

**Puan Nomi Juliana binti Mohd Redzuan Min**

**Puan Nazrin binti Alis**

***Team* Komunikasi Strategik, Akademi Pilihan Raya**

**Semua PIC Ibu Pejabat & Pejabat Pilihan Raya Negeri (PPN)**

## URUS SETIA PENERBITAN

**Akademi Pilihan Raya**

# Untuk maklumat Pilihan Raya lebih TEPAT!

Akademi Pilihan Raya



akademipilihanraya_spr



apr_akademipilihanraya (Apr 2)



Akademi Pilihan Raya




Akademi Pilihan Raya



akademipilihanraya






